

22 MAY 2003

Felda-Pakej

PAKEJ BANTU FELDA KETAHUI HALA TUJU EKONOMI NEGARA

KUALA LUMPUR, 22 Mei (Bernama) -- Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) menyambut baik Pakej Strategi Baru Ekonomi yang diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam kerana ia akan memudahkannya mengetahui hala tuju negara dalam merangsang ekonomi.

Pengerusi Felda Tan Sri Dr Yusof Noor berkata pakej itu penting bagi Felda memandangkan ia sebuah agensi yang terlibat secara langsung dalam kegiatan ekonomi menerusi pengeluaran hasil kelapa sawit serta industri kecil dan sederhana (IKS).

"Pelaburan yang perlu dibuat Felda akan disesuaikan dengan pakej yang diumumkan dan agensi itu akan merancang satu rancangan pusingan wang dalam Felda sendiri supaya perbelanjaan yang dibuat akan beri pulangan kepada seluruh masyarakat Felda," katanya.

Beliu berkata demikian pada sidang media mengenai pelancaran Suara Felda ke Udara di Radio IKIM.FM menerusi 91.5fm di sini, hari ini.

Berdasarkan pengumuman Perdana Menteri itu juga, beliau berkata Felda akan meneliti supaya sebahagian daripada peruntukan kewangannya digunakan untuk mewujudkan satu skim pinjaman perumahan yang akan memberi peluang kepada kakitangan dan peneroka Felda memiliki rumah.

"Walaupun ada rumah dibina kerajaan di tanah-tanah rancangan, saya pasti mereka inginkan rumah lain yang lebih baik untuk keluarga mereka," katanya.

Pada majlis yang sama, Yusof mengumumkan pelantikan Datuk Dr Alias Kadir sebagai Ketua Eksekutif Unit Penyelidikan dan Pembangunan Felda (Fardu), yang akan merangka program pembangunan sosial ekonomi bagi 103,000 keluarga peneroka di seluruh negara mulai 1 Jun.

Menurutnya antara tugas Fardu ialah mengkaji penggunaan tanah dalam Felda secara maksimum, merangka strategi bagi memastikan seluruh keluarga peneroka mendapat pendapatan bulanan yang mencukupi dan mengkaji pemasaran barang-barang keluaran pelbagai syarikat milik Felda yang berkaitan minyak di dalam dan luar negara.

"Felda yakin beliau (Alias) berkebolehan untuk memastikan supaya akhirnya masyarakat Felda yang terdiri daripada warga dan keluarga peneroka menjadi golongan yang merealisasikan dasar kerajaan iaitu ke arah melahirkan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB)," katanya.

Sementara itu, selari dengan usaha untuk mendekati dan mengadakan kerjasama yang lebih rapat dengan masyarakat, Felda dan Radio Institut Kemajuan Islam Malaysia (IKIM) akan melancarkan rancangan Suara Felda ke Udara menerusi stesen tersebut pada 2 Jun.

Menurut Yusof ia adalah usaha yang pertama Felda menggunakan saluran siaran bagi menjelaskan isu penting berkaitan Felda kepada masyarakat termasuk peneroka, kontraktor, peniaga dan usahawan yang berminat melabur dalam sektor ekonomi Felda.

-- BERNAMA

RW AHH LAT